

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	09 MAY 2017

## Artikel kaitan Dr. M dan forex dipadamkan

um- 9/5/2017

**KUALA LUMPUR 8 Mei** - Artikel berhubung skandal kerugian urus niaga mata wang asing (forex) yang mengaitkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad didakwa telah dipadamkan daripada portal *Roketkini* yang dimiliki oleh DAP.

Presiden Pertubuhan Minda dan Sosial Prihatin (PMSP), K. Ramesh Rao berkata, ia adalah rentetan 'kerjasama' baharu antara Penasihat DAP, Lim Kit Siang dengan Dr. Mahathir untuk menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional (BN) dan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Kita tahu Kit Siang ada ba-

nyak maklumat dan beliau merupakan orang yang paling marah dengan Dr. Mahathir ketika skandal itu pada tahun 1992 sehingga negara kehilangan berbilion ringgit. Tindakan ini amat memalukan.

"Kita Siang juga ada menerbitkan sebuah buku mengaitkan skandal itu ketika itu," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Ramesh Rao juga berkata, Kit Siang dilihat terlalu terdesak pada



**K. RAMESH RAO**

ketika ini kerana umurnya sudah semakin tua dan beliau tidak mahu dilihat sebagai seorang pemimpin DAP yang gagal membawa kejayaan kepada parti untuk misi menang dalam Pilihan Raya Umum (PRU).

Beliau memberitahu, Kit Siang menganggap kerjasama itu penting kerana sekiranya dia mementingkan perasaan dendam dengan Dr. Mahathir, tindakan itu akhirnya akan membawa kemusnahan kepada pembangkang.